



## KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Bahagian Komunikasi Korporat  
Perbadanan Putrajaya  
**Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013**

### JARINGAN KERJASAMA PERBADANAN PUTRAJAYA BERSAMA RAKAN STRATEGIK

**PUTRAJAYA, 15 Oktober 2024** – Berteraskan slogan Destinasi Putrajaya Mesti Lawat serta menyahut Kempen Visit Malaysia Year 2026 (VMY2026), Perbadanan Putrajaya telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan satu sesi networking dan publisiti bersama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta agensi Tourism bertujuan untuk memperkenalkan produk-produk pelancongan Putrajaya yang terkini. Selain itu, tujuan program ini diadakan adalah untuk meningkatkan imej Putrajaya sebagai destinasi pelancongan yang unggul dan wajib dilawati serta giat mempromosikan pelancongan domestik, untuk menggalakkan rakyat Malaysia melancong dalam negara dan menggalakkan perkembangan sektor pelancongan merangkumi semua kluster.

Seramai 50 peserta yang bersama dalam program ini yang terdiri daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur / Putrajaya, Tourism Malaysia (pelbagai bahagian), Sekretariat VMY2026 serta rakan strategik yang lain. Sepanjang program ini berlangsung, beberapa lokasi pelancongan yang telah dipilih adalah seperti kebun komuniti KK1 Presint 9, Laman Kelulut Taman Botani, Water Taxi, The Glasshoper, Glow Glamping, Putrajaya Adventure Park dan Swan Lake Taman Wetland.


Sehingga Ogos 2024, jumlah pengunjung dan pelawat yang hadir ke Putrajaya adalah seramai 13,451,507, ini menunjukkan bahawa Putrajaya bukan sahaja dikenali sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan malah Putrajaya juga adalah pelancongan yang mesti dilawati.

## *Dambungan Siaran Media:*

JARINGAN KERJASAMA PERBADANAN PUTRAJAYA BERSAMA RAKAN STRATEGIK

---

Perbadanan Putrajaya akan sentiasa melaksanakan pelbagai promosi seperti mengadakan pameran, promosi digital/cetakan, mengadakan promosi mengikut era terkini seperti penglibatan influencer , aktiviti explorace ke produk pelancongan Putrajaya dan lain-lain lagi. Pendekatan sebegini dapat membantu meningkatkan kerancakan sektor pelancongan khasnya dan semestinya ekonomi Malaysia dan komuniti Putrajaya.



**(SITI FADILAH BINTI RAMLI)**

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 16 Oktober 2024

---

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Puan Haryani Binti Kaulan di talian 019-383 1564.